

04 JUL 1999

Chong-Kerusi

LDP TIDAK AKAN LOBI BAGI KERUSI TAMBAHAN, KATA CHONG

KOTA KINABALU, 4 Julai (Bernama) -- Parti Liberal Demokratik (LDP), satu daripada parti komponen Barisan Nasional (BN) di Sabah, tidak akan melobi bagi kerusi tambahan dalam pilihan raya Parlimen kali ini.

"Tiada banyak kerusi khasnya di kawasan-kawasan yang majoriti penduduknya adalah daripada masyarakat Cina untuk diagihkan...jadi kita tidak akan meminta lebih banyak kerusi," kata Presiden LDP Datuk Chong Kah Kiat.

Chong berkata, bagaimanapun terpulanglah kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membuat kata putus.

"Apa yang penting ialah semua pihak mesti bekerjasama dalam memastikan kejayaan BN dalam pilihan raya umum akan datang. Apa lagi, kita hanya mempunyai empat kerusi (Parlimen) bagi masyarakat Cina di Sabah," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung tahunan LDP Bahagian Api-API, di sini, hari ini.

Di samping LDP dan sebuah lagi parti mewakili masyarakat Cina iaitu Parti Maju Sabah (SAPP), MCA juga berminat menurunkan calon dalam pilihan raya umum kali ini, katanya.

Dalam pilihan raya Parlimen yang lepas, LDP menurunkan calon tunggalnya bagi kerusi Sandakan sementara SAPP bertanding di - Gaya, Tanjung Aru dan Tawau.

Calon LDP Lau Ngan Siew memenangi kerusi itu menewaskan lawan terdekatnya Ang Lian Hai dari DAP dengan majoriti 3,074 undi.

Chong berkata, beliau yakin LDP dapat mengekalkan kerusi Sandakan, jika ianya diperuntukan kepada LDP.

Beliau juga menyeru masyarakat Cina di negeri ini supaya menyokong semua calon BN untuk memastikan pembangunan berterusan dan kestabilan politik.

Dalam perkembangan lain, Chong, yang juga Menteri Negeri Bagi Pelancongan, Alam Sekitar, Sains dan Pembangunan Teknologi berkata, Kerajaan Negeri sedang mengkaji semula royalti bagi memungut sarang burung dan juga membuat kajian terhadap kesan kepada alam sekitar yang disebabkan oleh aktiviti mengambil sarang burung.

"Kita berharap dapat menyiapkan kajian secepat mungkin sebelum pemungut sarang memperbaharui lesen mereka pada penghujung tahun ini," katanya.

-- BERNAMA

NT PR